



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Penerimaan Pembayaran Bil dan Perkhidmatan Melalui
*One Common Billing System (OCBS)***

Tarikh : 11 April 2022

Dengan penuh hormat sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Perbendaharaan mula menggunakan ***One Common Billing System (OCBS)*** mulai **hari Isnin, 11 April 2022** bagi penerimaan pembayaran ke atas bil dan perkhidmatan-perkhidmatan, JPES seperti berikut:

- 1.1 Pembayaran Denda dan Kompaun, Akta Kawalan Harga, Penggal 142;
 - 1.2 Pembayaran Sewa Bangunan;
 - 1.3 Pembayaran Balik Skim Pinjaman, Lembaga Kemajuan Ekonomi (LKE) dan
 - 1.4 Pembelian Buku-Buku Terbitan JPES.
2. Dalam perkara ini, dengan penggunaan OCBS ini akan memudahkan orang ramai khususnya pelanggan-pelanggan JPES untuk menerima bil dan membuat pembayaran secara atas talian tanpa perlu mengunjungi kaunter JPES. Bagi mengakses OCBS ini, orang ramai boleh melayari portal <https://ocbs.mofe.gov.bn/>.
3. Bagi sebarang pertanyaan mengenai OCBS ini, orang ramai boleh menghubungi JPES melalui talian telefon 2233344 sambungan 240 atau e-mel kepada finance@jpes.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi